

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) Angka pengangguran yang terkini dan apa yang sedang dilakukan mengenai bilangan yang semakin meningkat ini; dan
- (b) Jumlah kes Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang dirujuk oleh Menteri setakat ini dan bilakah pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 akan diwartakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan kadar pengangguran pada Julai 2021 adalah kekal pada 4.8% seperti mana Jun 2021. Bilangan penganggur meningkat sebanyak 9.5 ribu orang kepada 778.2 ribu orang berbanding Jun 2021 yang mencatatkan 768.7 ribu orang.

Dalam usaha untuk membantu mereka yang mencari pekerjaan dan kehilangan pekerjaan, Kerajaan telah memperluaskan Elaun Mencari Pekerjaan kepada graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Elaun sekurang-kurang RM300 akan diterima apabila mereka mendaftar di bawah platform *MyFutureJobs* di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Kerajaan juga telah memperluaskan skop insentif pengambilan pekerja untuk meliputi pekerjaan sementara dan pekerjaan *gig* oleh PERKESO iaitu:

- (i) menyediakan peruntukan RM300 juta yang memanfaatkan 60,000 pekerja, di mana setiap pekerja akan menerima RM600 sebulan selama tempoh maksimum enam (6) bulan; dan
- (ii) bagi majikan yang menawarkan pekerjaan jangka pendek ataupun platform penyedia perkhidmatan *gig* yang berdaftar dengan PERKESO, mereka akan menerima RM200 bagi setiap pekerja yang ditempatkan.

Selain itu, sejumlah RM125 juta diperuntukkan kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad untuk melaksanakan inisiatif *Place and Train* di bawah Program Janapreneur terutama kepada belia lepasan sekolah dan graduan. Inisiatif ini akan membuka peluang kepada 30 ribu orang untuk mengikuti program latihan dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.

SOALAN NO : 62

Mengenai persoalan kedua yang diutarakan oleh YB Ipoh Barat, saya maklumkan kepada ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini bahawa pewartaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Pindaan) 2020 [Akta A1615] telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2021. Tarikh kuatkuasa akta ini telah disiarkan dalam Warta Kerajaan pada 21 Disember 2020 [P.U.(B)695].

Manakala, statistik bilangan kes yang telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan pada tahun ini sehingga 31 Julai 2021 adalah seperti berikut:

- lapan (8) kes di bawah Seksyen 8;
- 31 kes di bawah Seksyen 13;
- 32 kes di bawah Seksyen 1; dan
- 2,298 kes di bawah Seksyen 20.

Untuk makluman, terdapat beberapa Seksyen di dalam Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) yang melibatkan kuasa YB Menteri Sumber Manusia dalam membuat keputusan sama ada kes dirujuk atau tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Antaranya adalah kes aduan di bawah Seksyen 8, kes melibatkan Perjanjian Kolektif di bawah Seksyen 13, kes pertikaian perusahaan di bawah Seksyen 18 dan kes representasi pemulihan kerja di bawah Seksyen 20.